

# Algeria diajak pertahan imej Islam di mata dunia

UM 12 AUG 2003

Daripada HAMZAH SIDEK

**A**LGIERS 11 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu Algeria bahawa negara-negara Islam mestilah bersatu padu untuk mempertahankan imej dan membetulkan pandangan antarabangsa terhadap Islam sebagai agama yang kononnya menganjurkan keganasan.

Katanya, Malaysia dan Algeria mempunyai pendirian yang sama dalam menentang terrorisme.

"Malaysia percaya bahawa satu definisi mengenai terrorisme yang boleh diterima oleh dunia adalah penting untuk membolehkan masyarakat antarabangsa mengambil tindakan secara bersama dan berkesan dalam menangani terrorisme," katanya dalam ucapan pada majlis makan malam meraikan beliau yang diberikan oleh Presiden Abdelaziz Bouteflika di sini.

Perdana Menteri juga menyuarakan kebimbangannya terhadap kemungkinan Iraq terjerumus ke dalam keadaan lebih huru-hara kecuali jika Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengambil sepenuhnya kawalan di negara itu bagi membolehkan rakyatnya mendapat semula kemerdekaan secepat mungkin.

"Malaysia ingin melihat sistem pelbagai hala digunakan bagi mencapai keamanan dunia melalui penglibatan PBB terutama dalam menyelesaikan masalah di Iraq," tegasnya.

Mengenai hubungan dua hala, katanya kedua-dua negara telah mengenal pasti beberapa bidang yang patut diterokai termasuk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pembinaan, pendidikan dan pelancongan.

Menurutnya, selain kerjasama yang telah terjalin antara Petronas dan Sonatrach (syarikat minyak Algeria) Malaysia dan Algeria mestilah meningkatkan

kerjasama ke peringkat baru yang lebih bermakna.

Pada pagi ini, Dr. Mahathir dan Presiden Abdelaziz telah mengadakan perbincangan empat mata kira-kira dua jam yang menyentuh hubungan dua hala dan hal-ehwal antarabangsa.

Pertemuan diadakan selepas Perdana Menteri meletakkan kalungan bunga di Makam Syahid bagi memperingati para pejuang kemerdekaan Algeria.

Dr. Mahathir mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Presiden Abdelaziz di atas sokongan kuatnya dan sumbangan kepada Pergerakan Negara-Negara Berkecuali yang dipengerusikan oleh Malaysia.

Beliau berharap Algeria akan terus memberikan sokongan yang sama dan melibatkan diri secara membina pada Sidang Kemuncak OIC di Kuala Lumpur, Oktober ini.

Mengenai hubungan ekonomi,

Dr. Mahathir berharap kadar perdagangan dua hala dapat ditingkatkan daripada paras AS\$100 juta (RM380 juta) sekarang.

Ini diharap dapat dilakukan melalui urusan perdagangan secara terus, bukannya melalui pihak ketiga.

Selepas pertemuan empat mata di Pejabat Presiden, kedua-dua pemimpin menyaksikan pemetaraan perjanjian kerjasama perdagangan dan memorandum persefahaman kerjasama dalam bidang ICT yang ditandatangani oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Kanan Kementerian Luar Algeria, Abdelaziz Belkhaden.

Pada petang ini Dr. Mahathir dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali melawat ke bandar Sidi Abdellah yang menempatkan taman teknologi dan siber Algeria.

Esok beliau akan berucap dan berdialog dengan masyarakat perniagaan Algeria. — *Utusan*